

JABATAN KORPORAT

TARIKH:03.07.2024 MASA:10.30am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM RAMAH MESRA YB TIMBALAN
KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG BERSAMA
WIRA OREN**

TARIKH / MASA / TEMPAT

04 JULAI 2024 (KHAMIS)

2:15 PETANG

**DEPOH OPERASI PEMBERSIHAN NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Dato' Dr Mohamad Bin Abdul Hamid

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

YB Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican

ADUN Bertam

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Pn Normahani Binti Muhammad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Diraikan Wira-Wira Oren Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Program Ramah Mesra Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang di Depoh Operasi Pembersihan Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang dan Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, Ahli Dewan Undangan Negeri Bertam yang sudi hadir untuk menjayakan program pada hari ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP; wira-wira oren MBSP; rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada petang ini. Sekalung penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.

4. Program pada hari akan tertumpu kepada sesi ramah mesra yang bertujuan mendekatkan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang dengan warga kerja MBSP, terutamanya Wira-Wira Oren yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Seberang Perai. Pada kebiasaannya mereka banyak terlibat dalam kerja-kerja pembersihan yang penuh cabaran seperti pokok tumbang, longkang dan parit air tersumbat, bencana banjir dan sebagainya. Wira-wira Oren sentiasa bersedia menghadapi pelbagai krisis dan bencana termasuk kerja-kerja pembersihan segera yang perlu dilakukan oleh MBSP.
5. Wira Oren telah bertungkus lumus bekerja siang dan malam, pagi dan petang, panas dan hujan, bertugas pada hari cuti dan sanggup bekerja pada bila-bila masa sahaja tanpa mengenal waktu. Berdasarkan pengalaman ini, MBSP telah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana dan dapat menjalankan koordinasi dengan sempurna bersama komuniti, NGO dan agensi-agensi kerajaan atau swasta.

6. Dengan pengalaman ini juga, pasukan Wira Oren turut mengembling tenaga serta menghulurkan dan menggerakkan Misi Bantuan Banjir di Negeri Selangor, Pahang dan Baling sebagai tanda setia kawan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri-negeri tersebut yang berdepan cabaran besar ketika itu. Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah mengalihkan pokok-pokok yang tumbang, mencuci rumah, selut dan mengalihkan perabot yang telah rosak.

7. Ada di kalangan Wira Oren MBSP yang berbakat dan kreatif di mana barangan-barangan terbuang yang dikutip seperti tayar terpakai, tong-tong sampah yang rosak, botol-botol plastik minyak masak, pasu-pasu bunga yang rosak, tayar motosikal, basikal lama dan lain-lain lagi telah digubah menjadi produk-produk *upcycle* yang kreatif, menarik dan mempunyai nilai lebih tinggi tanpa merosakkan alam sekitar. Untuk itu, MBSP telah menubuhkan Unit *Upcycle* Majlis Bandaraya Seberang Perai, yang merupakan langkah yang positif dalam menggalakkan amalan kelestarian alam dan mengurangkan kadar sampah ke tapak pelupusan.

8. Untuk makluman Yang Berhormat TKM 1 dan Yang Berhormat ADUN Bertam, MBSP mempunyai seramai 2,464 Wira Oren (Tetap dan Kontrak) yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan awam sebagai

kerja harian dan juga melaksanakan kerja-kerja 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

9. Pada petang ini juga, Sumbangan Gerobok Rezeki akan diedarkan kepada 68 Wira Oren dalam kategori B40 yang memerlukan bantuan. Gerobok Rezeki ini adalah melalui peruntukan MBSP kepada kakitangan MBSP yang memerlukan. Gerobok Rezeki ini akan disampaikan oleh Yang Berhormat TKM 1 dan Yang Berhormat ADUN Bertam sebentar nanti.

10. Akhir kata, MBSP telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran dengan keazaman dan kecekalan, dan terus akan berusaha dengan lebih kuat lagi pada tahun-tahun hadapan. Saya, dengan tulus ikhlas merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, warga kerja Seberang Perai, Wira Oren MBSP dan seluruh warga Seberang Perai yang selama ini telah menjadi inspirasi dan sentiasa berkerjasama dalam pelaksanaan semua program dan aktiviti MBSP dalam menzahirkan “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**” dan seterusnya menjadikan **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***